



FELCRA SAMARAHAN SDN BHD
(Kilang Kelapa Sawit Samarahan)

**POLISI KEMASYARAKATAN DAN HAK ASASI
MANUSIA**

FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd. akan sentiasa memastikan bukan sahaja menghasilkan produk yang berkualiti namun turut memastikan suasana kerja yang kondusif, adil dan bermanfaat kepada setiap pekerja. Kami juga mengakui bahawa hubungan kemasyarakatan yang baik dan hak asasi manusia diantara pekerja-pekerja, kontraktor dan masyarakat setempat perlulah turut dihormati.

Dengan ini kami adalah komited untuk menggalak dan melindungi amalan-amalan kemasyarakatan yang baik dan hak asasi manusia melalui:

- Pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang buruh yang berkaitan.
- Bebas daripada diskriminasi atau prejudis terhadap jantina, bangsa, agama, kewarganegaraan dan pandangan politik.
- Memberi orientasi kepada pekerja baru.
- Tidak mengambil pekerja secara paksaan atau perdagangan.
- Tidak mengambil pekerja dibawah umur 18 tahun.
- Membayar gaji dengan mematuhi Perintah Gaji minima dan gaji yang berpatutan untuk keperluan hidup.
- Menghormati amalan sosial persekitaran.
- Memberi kediaman yang bersesuaian mengikut keperluan.
- Mematuhi undang-undang hak milik tanah dan syarat-syarat penggunaan dan pemeliharaan tanah.
- Menghormati hak-hak kebebasan untuk bersuara.
- Komitmen untuk menyelesaikan konflik sosial.
- Menghormati hak-hak untuk berpesatuan dan menyertai kesatuan.

Sasaran kami adalah untuk memastikan pengeluaran minyak sawit yang mampan tanpa prejudis dalam aspek sosial dengan berdasarkan penambahbaikan berterusan dan pendekatan yang sistematik.